



BANK SOALAN *Geografi*

PT3


Tingkatan
KSSM



Bahagian **A**

Bab 5 Bumi

- Antara yang berikut, yang manakah sistem fizikal bumi?
 I Atmosfera
 II Litosfera
A I dan II
B I dan IV
 III Hemisfera
 IV Troposfera
C II dan III
D III dan IV
- Sistem fizikal bumi yang manakah mengandungi pelbagai jenis batuan dan mineral?
A Biosfera
B Litosfera
C Atmosfera
D Hidrosfera
- Apakah lapisan bumi yang bertanda Y?



Rajah 1

- | | |
|---------------------|----------------------|
| A Mantel | C Teras dalam |
| B Kerak bumi | D Teras luar |
- Maklumat di bawah merujuk


Lautan yang bersempadan dengan Benua Asia, Afrika dan Australia

A Lautan Pasifik	C Lautan Artik
B Lautan Hindi	D Lautan Selatan
 - Apakah benua yang terbesar di dunia?
A Benua Antartika
B Benua Australia
C Benua Afrika
D Benua Asia
 - _____ terbentuk akibat daya mampatan.
A Gunung bongkah
B Lurah gelinciran
C Gunung lipat
D Gunung berapi
 - Antara yang berikut, yang manakah kesan pergerakan kerak bumi?
 I Gunung berapi
 II Gunung bongkah
A I dan II
B I dan IV
 III Gerbang laut
 IV Batu tunggul
C II dan III
D III dan IV



Bab 6 Bentuk Muka Bumi

8. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan gunung yang bertanda Q?



Peta 1 Malaysia

- A Gunung tertinggi di Malaysia
- B Ketinggian gunung ialah 2 187 meter
- C Puncak tertinggi di Asia Tenggara
- D Gunung batu pasir

9. Antara yang berikut, yang manakah bentuk muka bumi pinggir laut?

- A Jeram
- B Teluk
- C Delta
- D Tetambak

10. Apakah sungai yang manakah digunakan untuk mengangkut kayu balak?

- A Sungai Kinabatangan
- B Sungai Perak
- C Sungai Endau
- D Sungai Pahang

11. Kawasan yang manakah penting untuk kegiatan penanaman teh?

- A Delta Rajang
- B Pulau Sipadan
- C Cameron Highlands
- D Dataran Kelantan

12. Kawasan pinggir laut Malaysia yang panjang dan berteluk sesuai dijadikan kawasan


- I pertanian
- II perikanan
- III pelabuhan
- IV perindustrian
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Pilih kombinasi yang betul tentang bentuk muka bumi dan kepentingan.

	Bentuk muka bumi	Kepentingan
A	Dataran pantai	Jana kuasa hidroelektrik
B	Tebing tinggi	Kawasan petempatan
C	Tanah tinggi	Penternakan ikan air tawar
D	Sungai	Pengangkutan dan perhubungan

Bab 7 Saliran

Soalan 14 dan Soalan 15 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

14. Pandang darat fizikal yang terbentuk di peringkat II ialah
 - A air terjun
 - B tasik ladam
 - C lubang periuk
 - D susuh bukit berpanca
15. Apakah peringkat III?
 - A Hulu sungai
 - B Hilir sungai
 - C Tengah sungai
 - D Delta sungai
16. Apakah sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia?

A Sungai Perak	C Sungai Pahang
B Sungai Rajang	D Sungai Baram
17. Tasik semula jadi terbesar di Malaysia ialah

A Tasik Bera	C Tasik Kenyir
B Tasik Chini	D Tasik Pedu
18. Sungai yang manakah menjadi sempadan antarabangsa antara Malaysia dengan Thailand?

A Sungai Bernam	C Sungai Golok
B Sungai Muda	D Sungai Kelantan
19. Sungai-sungai di Malaysia berpotensi untuk penjanaan kuasa hidroelektrik kerana

I sempit dan cetek	II jernih dan bersih
III airnya yang beraliran deras	IV mengalir menuruni cerun curam

 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



Bab 8 Penduduk di Malaysia

20. Apakah kegiatan ekonomi yang dapat dikaitkan dengan kawasan berpenduduk padat?

- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Pembalakan | III Perniagaan |
| II Perindustrian | IV Perikanan |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

21. Kawasan yang berpenduduk jarang di Malaysia ialah

- | | |
|---------------------------|---------------------|
| I kawasan lembah sungai | |
| II kawasan pesisir pantai | |
| III kawasan pedalaman | |
| IV kawasan berpaya | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

22. Maklumat di bawah merujuk kawasan berpenduduk sederhana.

- Felda Sabahat, Sabat
- Felda Kampung Sertik, Pahang

Mengapakah kawasan tersebut menjadi tumpuan penduduk?

- A** Pembukaan kawasan pertanian
B Perpindahan pusat pentadbiran
C Kemudahan pengangkutan
D Pewartaan hutan simpan

23. Apakah faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Tanjung Malim, Perak?

- A** Kemudahan telekomunikasi
B Tanah pamah yang subur
C Perlombongan gas asli
D Pusat pengajian tinggi

24. Kawasan lembangan sungai sering menjadi tumpuan penduduk kerana

- A** tanah aluvium yang subur
B sistem pengangkutan maju
C bebas daripada bencana alam
D kaya dengan sumber mineral

Bab 9 Petempatan di Malaysia

25. Antara yang berikut, yang manakah ciri petempatan bandar?

- A** Rumah tradisional
B Sektor pertanian
C Penduduk padat
D Kemudahan minimum

26. Kawasan yang manakah merupakan petempatan luar bandar?

- | | |
|-------------------|------------------------|
| A Senawang | C Long Akah |
| B Kuantan | D Kota Kinabalu |

27. Maklumat di bawah merujuk pola petempatan


- Rumah dibina di sepanjang jalan raya
 - Kelihatan hampir seragam

- A** berjajar

B berpusat
- C** berselerak

D berkelompok

28. Apakah kegiatan ekonomi yang membawa kepada perkembangan bandar **P** dan **Q** dalam Peta 2?



Peta 2 Malaysia

- A** Pelancongan

B Perlombongan
- C** Perikanan

D Pertanian

29. Pilih kombinasi yang betul.

	Bandar	Fungsi
A	Lumut	Bandar pertahanan
B	Kerteh	Bandar pendidikan
C	Arau	Bandar sempadan
D	Ipoh	Bandar diraja

30. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi petempatan bandar.

- Bandar pelancongan
 - Bandar pertahanan

Apakah bandar yang dapat dikaitkan dengan fungsi di atas?

- A** Butterworth

B Padang Besar
- C** Tanjung Malim

D Port Dickson

31. Apakah kegiatan ekonomi yang dapat dikaitkan dengan petempatan luar bandar?

- I** Penternakan

II Perbankan
- III** Perdagangan

IV Perlombongan
- A** I dan II

B I dan IV
- C** II dan III

D III dan IV

Bab 10 Bentuk Muka Bumi dan Saliran di Asia Tenggara

32. Antara yang berikut, negara yang manakah terletak di Tanah Besar Asia Tenggara?

- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Filipina | III Myanmar |
| II Singapura | IV Thailand |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

33. Antara yang berikut, yang manakah merupakan gunung berapi di Asia Tenggara?

- | | |
|--------------------------|------------------------------|
| A Gunung Krakatau | C Gunung Fansipan |
| B Gunung Kinabalu | D Gunung Hkakabo Razi |

34. Maklumat di bawah dapat dikaitkan dengan

Tasik air tawar semula jadi terbesar di Asia Tenggara

- | | |
|---------------------|-----------------------|
| A Tonle Sap | C Tasik Bera |
| B Danau Toba | D Tasik Kenyir |

35. Maklumat yang manakah betul tentang Danau Toba?

- A** Tasik vulkanik
B Gunung lipat tua
C Kawasan penanaman padi
D Terkenal dengan pasar apung

36. Berdasarkan Peta 3, pernyataan yang manakah betul tentang kawasan berlorek?



Peta 3 Asia Tenggara

- | | |
|------------------------------|---------------------|
| I Berpenduduk padat | |
| II Subur untuk pertanian | |
| III Terdapat gunung berapi | |
| IV Terdiri daripada banjaran | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

37. Maklumat di bawah merujuk

- Mengalir merentasi beberapa buah negara di Asia Tenggara
- Membekalkan sumber air untuk kegiatan pertanian

- | | |
|---------------------------|-----------------------|
| A Sungai Irrawaddy | C Sungai Merah |
| B Sungai Mekong | D Sungai Musi |

38. Kawasan tanah pamah di Asia Tenggara sangat sesuai untuk kegiatan penanaman padi kerana

- A** sewa tanah yang murah
- B** tanah yang mudah dijaga
- C** tanah aluvium yang subur dan luas
- D** jaringan pengangkutan darat yang padat

Bab 11 Penduduk dan Petempatan di Asia Tenggara

Soalan 39 dan Soalan 40 berdasarkan Peta 4.



Peta 4 Asia Tenggara

39. Namakan petempatan bandar yang bertanda X.

- | | |
|------------------|--------------------|
| A Bangkok | C Singapura |
| B Jakarta | D Manila |

40. Pernyataan yang manakah betul tentang petempatan bandar yang bertanda Y?

- A** Ibu negara Filipina
- B** Bandar raya kosmopolitan
- C** Pusat kewangan antarabangsa
- D** Dikenali sebagai 'Venice Timur'



41. Pernyataan yang betul tentang taburan penduduk di Asia Tenggara?
- A Taburan penduduk tidak sekata
 - B Tumpuan penduduk di bandar utama sahaja
 - C Kepadatan penduduk tinggi di kawasan pedalaman
 - D Kawasan tanah pamah berpenduduk jarang
42. Antara yang berikut, yang manakah kawasan berpenduduk padat di Asia Tenggara?
- | | |
|----------------------|----------------|
| I Pantai Arakan Yoma | III Pulau Jawa |
| II Banjaran Annam | IV Singapura |
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
43. Bandar yang manakah berfungsi sebagai ibu negara?
- I Manila
 - II Bangkok
 - III Surabaya
 - IV Putrajaya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
44. Antara yang berikut, yang manakah fungsi petempatan bandar utama di Asia Tenggara?
- I Pusat perdagangan
 - II Pusat perindustrian
 - III Pusat penternakan
 - IV Pusat industri desa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
45. Maklumat di bawah merujuk petempatan bandar
- Pelabuhan terpenting di dunia
 - Bandar raya metropolitan
- A Singapura
 - B Kuala Lumpur
 - C Bangkok
 - D Jakarta
46. Pernyataan yang manakah betul tentang bandar Manila?
- A Ibu negara Thailand
 - B Bandar raya kosmopolitan
 - C Pusat pelabuhan antarabangsa
 - D Terletak di Pulau Jawa

Bab 12 Sumber Air

47. Sumber air permukaan di Malaysia termasuklah
- | | |
|-------------------|---------------------|
| I tasik | III geiser |
| II sungai | IV salji |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
48. Apakah punca utama krisis air di Malaysia pada tahun 2016?
- A** Fenomena El Nino
B Penebangan hutan
C Pencemaran sungai
D Pertambahan penduduk
49. Apakah jenis penyakit yang disebabkan oleh pencemaran air?
- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Taun | III Bronkitis |
| II Kanser | IV Demam kepialu |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
50. Kegiatan manusia yang manakah menyebabkan krisis air?
- A** Penambakan laut
B Mendalamkan sungai
C Penggunaan baja organik
D Penerokaan hutan secara meluas
51. Apakah sektor ekonomi yang paling terjejas akibat krisis air?
- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Pembalakan | III Perindustrian |
| II Pelancongan | IV Perikanan |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
52. Bagaimanakah cara untuk mengurangkan kesan krisis air?
- A** Menaikkan harga air
B Menjaga kebersihan sungai
C Meningkatkan penggunaan air
D Menggunakan air secara berhemah
53. Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesan krisis air?
- | |
|------------------------------|
| I Kaedah pengkomposan |
| II Rawatan air kumbahan |
| III Meneroka air bawah tanah |
| IV Amalan pengasingan sisa |
| A I dan II |
| B I dan IV |
| C II dan III |
| D III dan IV |




Bab 13 Sisa Domestik

54. Antara yang berikut, yang manakah sisa organik?
- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Plastik | III Kertas |
| II Kaca | IV Sisa kebun |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
55. Sisa bukan organik dihasilkan daripada sumber
- | | |
|-----------------|------------------|
| A haiwan | C hutan |
| B tanah | D mineral |
56. Antara yang berikut, yang manakah sisa pepejal?
- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Polisterin | III Kumbahan |
| II Logam | IV Minyak masak |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
57. Apakah kesan pembuangan sisa domestik tanpa kawalan di Malaysia?
- | | |
|--|---------------------|
| I Pencemaran alam sekitar | |
| II Mendatangkan penyakit yang pelbagai | |
| III Menurunkan perbelanjaan kerajaan | |
| IV Mencantikkan alam sekitar | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
58. Bagaimanakah pembuangan sampah sarap tanpa kawalan menjejaskan kualiti hidupan manusia?
- | | |
|--|---------------------|
| I Mengancam kesihatan | |
| II Menjejaskan kesejahteraan hidup | |
| III Kawasan persekitaran yang lebih ceria | |
| IV Keadaan udara dan air yang lebih berkualiti | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
59. Cara pelupusan sisa makanan dan tanaman yang berkesan ialah
- | |
|---|
| A diproses untuk dijadikan baja kompos |
| B dibuang ke dalam sungai |
| C dibuang ke dalam semak belukar |
| D dijadikan makanan hidupan ternakan |
60. Apakah yang dimaksudkan dengan teknologi WtE?
- | |
|-------------------------------------|
| A <i>Waste Management</i> |
| B <i>Ways to Enrich Soil</i> |
| C <i>Ways to Effective</i> |
| D <i>Waste to Energy</i> |

Bahagian **B**

Bab 1 Arah

Soalan 1 berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

1. (a) Nyatakan arah tempat-tempat yang berikut dari Air Terjun Berkelah.

	Tempat	Arah
(i)	Kg. Kedawang	
(ii)	Muzium Pelangi	
(iii)	Pantai Cahaya Resort	
(iv)	Menara Condong Pelangi	

[4 markah]

- (b) Apakah arah Tasik Rimba dari Kelab Golf Segenting?

_____ [1 markah]

- (c) Namakan tempat yang terletak di barat laut Gua Senyum.

_____ [1 markah]

- (d) Jika anda ingin pergi ke Muzium Pelangi dari Hotel Temari, apakah arah tujuan anda?

_____ [1 markah]


- (e) Dengan menggunakan jangka sudut, tentukan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut.

	Pernyataan	Bearing sudutan
(i)	Kelab Golf Segenting dari Gua Senyum	
(ii)	Rumah Api Teluk Selatan dari Tasik Rimba	
(iii)	Jeti dari Air Terjun Berkelah	
(iv)	Langkasuka Resort dari Menara Condong Pelangi	

[8 markah]

Bab 3 Peta Lakar

Soalan 2 berdasarkan peta lakar di bawah.



Peta Lakar

2. (a) Senaraikan **tiga** ciri pandang darat budaya dan **tiga** ciri pandang darat fizikal dalam peta lakar tersebut.

Pandang darat budaya	Pandang darat fizikal
(i)	(i)
(ii)	(ii)
(iii)	(iii)

[6 markah]

- (b) Apakah arah aliran Sungai Pandan?

_____ [1 markah]

- (c) Ukur bearing sudutan Bt. Cantik dari simpang tiga Pekan Mesra.

_____ [2 markah]

- (d) Nyatakan **empat** jenis simbol yang digunakan dalam peta lakar tersebut untuk menggambarkan ciri-ciri geografi.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]


- (e) Namakan **dua** jenis tanaman yang diusahakan di kawasan peta.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

Bab 5 Bumi

Soalan 3 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

3. (a) Namakan lapisan struktur bumi yang bertanda **X**, **Y** dan **Z**.

X: _____

Y: _____

Z: _____

[3 markah]

(b) Nyatakan **tiga** ciri lapisan struktur bumi yang bertanda **Y**.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____


[3 markah]

(c) Apakah kepentingan lapisan **X** kepada manusia?

[4 markah]

Bab 6 Bentuk Muka Bumi

Soalan 4 berdasarkan Peta 1.



Peta 1 Malaysia

4. (a) Namakan banjaran yang bertanda **B1**, **B2** dan **B3**.

B1: _____

B2: _____

B3: _____

[3 markah]

- (b) Apakah gunung yang bertanda **G1**, **G2** dan **G3**?

G1: _____

G2: _____


G3: _____

[3 markah]

- (c) Jelaskan ciri-ciri banjaran yang bertanda **B1**.

[4 markah]

Soalan 5 berdasarkan Peta 2.



Peta 2 Malaysia

5. (a) Namakan sungai yang bertanda **S1**, **S2**, **S3** dan **S4**.

S1: _____

S2: _____

S3: _____

S4: _____

[4 markah]

- (b) Nyatakan tasik semula jadi yang bertanda **T1** dan **T2**.

T1: _____

T2: _____


[2 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan sungai yang bertanda **S3** kepada penduduk setempat.

[4 markah]

Bab 7 Saliran

Soalan 6 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

6. (a) Apakah peringkat aliran sungai yang bertanda II?

[1 markah]

- (b) Senaraikan **tiga** ciri fizikal yang terbentuk di peringkat aliran sungai yang bertanda I.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

- (c) Nyatakan ciri-ciri peringkat aliran sungai yang bertanda I.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

- (d) Jelaskan kepentingan peringkat aliran sungai yang bertanda III kepada manusia.

[4 markah]

Bab 8 Penduduk di Malaysia

Soalan 7 berdasarkan Peta 3.



Peta 3 Malaysia

7. (a) Nyatakan jenis taburan penduduk di kawasan yang bertanda **P**, **Q** dan **R**.

P: _____

Q: _____

R: _____

[3 markah]

(b) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di **P**.

[4 markah]

(c) Mengapakah sesuatu kawasan kurang menjadi tumpuan penduduk?

[3 markah]

Bab 9 Petempatan di Malaysia

Soalan 8 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

8. (a) Apakah jenis petempatan dalam foto di atas?

[1 markah]

(b) Senaraikan ciri-ciri petempatan tersebut.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

(c) Nyatakan kegiatan ekonomi yang dijalankan di petempatan tersebut.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]


(d) Jelaskan fungsi-fungsi petempatan tersebut.

[4 markah]


Soalan 9 berdasarkan Rajah 3.



P



Q



R

Rajah 3

9. (a) Nyatakan jenis pola petempatan yang ditunjukkan dalam Rajah 3.

P : _____

Q : _____

R : _____

[3 markah]

(b) Apakah ciri-ciri pola petempatan **P** yang ditunjukkan dalam Rajah 3?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Jelaskan pola petempatan **Q** dalam Rajah 3.

[2 markah]

(d) Berikan **tiga** kawasan yang mempunyai pola petempatan **R** seperti dalam Rajah 3.

(i) _____


(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

Bab 10 Bentuk Muka Bumi dan Saliran di Asia Tenggara

Soalan 10 berdasarkan Peta 4.



Peta 4 Asia Tenggara

10. (a) Namakan negara yang bertanda **A**, **B**, **C** dan **D**.

A : _____

B : _____

C : _____

D : _____

[4 markah]

(b) Apakah ibu negara bagi negara yang bertanda **A**, **B**, **C** dan **D**?

A : _____

B : _____

C : _____

D : _____

[4 markah]

(c) Nyatakan **dua** laut yang mengelilingi Asia Tenggara.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

Bab 11 Penduduk dan Petempatan di Asia Tenggara

Soalan 11 berdasarkan Peta 5.



Peta 5 Asia Tenggara

11. (a) Namakan bandar-bandar utama di Asia Tenggara yang bertanda dalam peta di atas.

P: _____

Q: _____

R: _____

S: _____

[4 markah]

(b) Terangkan fungsi-fungsi petempatan bandar tersebut.

[6 markah]

Bab 12 Sumber Air

Soalan 12 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

12. (a) Apakah krisis air yang ditunjukkan dalam Foto 2?

[1 markah]

(b) Nyatakan kesan krisis air tersebut terhadap manusia.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Jelaskan punca-punca krisis air tersebut berlaku.

[4 markah]

(d) Bagaimanakah kesan krisis air tersebut dapat dikurangkan?

[3 markah]

Bahagian

Bab 6 Bentuk Muka Bumi

1. (a) Bagaimanakah ciri-ciri tanah pamah mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia? [6 markah]
- (b) Mengapakah Dataran Pantai Barat Sabah lebih maju berbanding dengan Dataran Pantai Timur Sabah? [4 markah]

Bab 7 Saliran

2. (a) Huraikan kepentingan sungai-sungai di Semenanjung Malaysia. [6 markah]
- (b) Mengapakah sungai-sungai di Sabah dan Sarawak penting sebagai jalan pengangkutan dan perhubungan? [4 markah]

Bab 8 Penduduk di Malaysia

3. (a) Jelaskan kawasan berpenduduk padat di Malaysia. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah faktor fizikal mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia? [6 markah]

Bab 9 Petempatan di Malaysia

4. Foto 1 menunjukkan menunjukkan sejenis petempatan di Malaysia.



Foto 1

- (a) Jelaskan ciri-ciri petempatan tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan fungsi petempatan tersebut dari segi sosial. [6 markah]

Bab 10 Bentuk Muka dan Saliran di Asia Tenggara

5. (a) Foto 2 menunjukkan tasik yang terletak di Sumatera Utara, Indonesia.



Foto 2

Terangkan ciri-ciri tasik tersebut.

[4 markah]

- (b) Huraikan kepentingan sungai utama di Asia Tenggara kepada penduduk setempat.

[6 markah]

Bab 11 Penduduk dan Petempatan di Asia Tenggara

6. (a) Terangkan fungsi bandar raya kosmopolitan Manila (Filipina).

[6 markah]

- (b) Mengapakah bandar-bandar utama di Asia Tenggara menjadi tumpuan penduduk?

[4 markah]

Bab 12 Krisis Air

7. Maklumat di bawah tentang krisis air yang melanda Selangor pada tahun 2016.

Dua minggu penduduk merana tiada air

Sudah hampir dua minggu, penduduk di beberapa kawasan di Selangor, khususnya yang tinggal di daerah Hulu Langat dan Sepang dan terbaru di Ampang dan Cheras menghadapi masalah terputus bekalan air...

(Sumber: <https://www.hmetro.com.my/node/173005>, Selasa, 11 Oktober 2016)

- (a) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah krisis air berlaku di Selangor?

[4 markah]

- (b) Huraikan langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengatasi masalah krisis air.

[6 markah]

Bab 13 Sisa Domestik

8. Maklumat di bawah tentang penghasilan sisa pepejal di Temerloh dalam tempoh dua bulan.

4,677.06 tan sisa pepejal domestik terhasil

TEMERLOH – Sebanyak 4,677.06 tan sisa pepejal domestik keseluruhan terhasil sepanjang tempoh dua bulan, iaitu Januari dan Februari tahun ini.

(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article>)

- (a) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah penghasilan sisa pepejal domestik semakin bertambah? [4 markah]
- (b) Huraikan kesan pembuangan sisa domestik tanpa kawalan. [6 markah]